

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TALKING POINTS

YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

ENGAGEMENT BERSAMA MEDIA

ISU JEREBU

22 OKTOBER 2026 (KHAMIS)

1. KERAJAAN MEMAHAMI KERESAHAN RAKYAT DAN TELAH BERTINDAK SEJAK AWAL

- Saya memahami keresahan dan kemarahan rakyat apabila masalah jerebu berlarutan sehingga menjejaskan kesihatan, persekolahan, aktiviti ekonomi dan kehidupan seharian.

- Kerajaan telah mengambil langkah pencegahan lebih awal. Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan diaktifkan pada 15 Februari 2026.

- Pada 15 Jun, saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan bagi memperkukuh kesiapsiagaan semua agensi.

- Pada 8 Julai, saya bertemu rakan sejawat Indonesia di Bali, disusuli mesyuarat peringkat menteri ASEAN pada 9 Julai. Usaha diplomatik diteruskan pada Ogos dan September melalui rundingan serta tawaran bantuan rasmi.

- **Tindakan telah bermula sebelum jerebu menjadi semakin serius. Namun, saya mengakui hasilnya masih belum memenuhi harapan rakyat.**

2. GAMBARAN KESELURUHAN KUALITI UDARA DAN FAKTOR IKLIM (SUPER EL NIÑO)

- Kesihatan dan kesejahteraan rakyat kekal menjadi keutamaan tertinggi Kerajaan dalam mendepani krisis jerebu terkini. **Berdasarkan pemantauan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di 68 stesen kualiti udara dari 3 Ogos hingga 16 Oktober 2026, situasi semasa menunjukkan 28.87% kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) Tidak Sihat, 0.90% Sangat Tidak Sihat, dan 0.36% di tahap Berbahaya. Lonjakan IPU secara mendadak terbukti apabila kawasan Serian, Sarawak telah diisytiharkan darurat selepas mencatatkan paras IPU Berbahaya setinggi 519 pada 4 September 2026, manakala Stesen Batu Pahat, Johor turut merekodkan bacaan tinggi 196 pada 6 Oktober 2026.**

- Kemerosotan kualiti udara ini dipacu secara langsung oleh anomali cuaca global yang kritikal. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah melaporkan bahawa fenomena El Niño yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga pertengahan tahun 2027. Lebih membimbangkan, keamatan El Niño ini diramal meningkat kepada kategori Sangat Kuat atau "Super El Niño" bermula bulan Oktober 2026 sehingga Januari 2027, dengan lonjakan suhu anomali melebihi 2.0°C.

- Fenomena cuaca ekstrem ini membawa impak rantaian yang ketara kepada taburan hujan dan suhu permukaan negara. MetMalaysia mengunjurkan bahawa Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula pada penghujung Oktober 2026 akan mencatatkan jumlah hujan yang berkurangan daripada nilai purata klimatologi, khususnya di negeri-negeri utara Semenanjung, Perak dan Sabah. **Berdasarkan rekod Super El Niño 2015/2016 sebelum ini, ketiadaan hujan boleh mencatatkan pengurangan sehingga 30% di Semenanjung dan 45% di Sabah.**

- Pengurangan taburan hujan dan fenomena gelombang haba yang ekstrem ini bakal menjadi pemangkin kepada krisis rantaian berskala besar. Suhu kering berpanjangan bukan sahaja meningkatkan risiko pembakaran hutan, tanah gambut, dan jerebu rentas sempadan secara mendadak, malah ia turut mengancam kelangsungan sektor pertanian, krisis bekalan air di empangan, lonjakan permintaan tenaga elektrik, serta mendatangkan risiko strok haba kepada kesihatan awam.

3. PENGUATKUASAAN DOMESTIK DAN KESIAPSIAGAAN INFRASTRUKTUR

- Bagi memastikan maklumat kesihatan yang disalurkan adalah tepat, masyarakat digesa merujuk semata-mata kepada Sistem Pengurusan Indeks Pencemar Udara Malaysia (APIMS) sebagai sumber rasmi bacaan kualiti udara. **APIMS mematuhi piawaian antarabangsa dengan mengukur kesemua enam pencemar utama, iaitu partikel PM2.5, PM10, Ozon (O3), Nitrogen Dioksida (NO2), Sulfur Dioksida (SO2) dan Karbon Monoksida**

(CO) bagi memberikan cerminan holistik potensi kesan kepada kesihatan manusia. Indeks bacaan inilah yang menentukan tahap amaran dan prosedur mitigasi di bawah Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

- Dari sudut kawalan domestik, **Kementerian mengamalkan pendekatan tanpa toleransi (zero tolerance) ke atas perbuatan pembakaran terbuka. Sepanjang tempoh 3 Ogos hingga 16 Oktober 2026 sahaja, JAS telah mengambil 3,433 tindakan penguatkuasaan bagi merespons kepada 2,361 aduan kes pembakaran terbuka. Ini merangkumi pengeluaran 2,361 arahan di lapangan, 201 notis amaran, pengeluaran 39 kompaun, serta 2 kes telah dibawa untuk tindakan di mahkamah.** Pemantauan secara berterusan turut dijalankan melalui 1,408 rondaan darat dan 78 kali penerbangan dron.

- Dalam tempoh Monsun Barat Daya ini, **pemantauan JAS merekodkan 14 kejadian kebakaran berskala besar, yang melibatkan 10 kes di Sarawak dan 4 kes di Johor**. Kebakaran ini telah melanda kawasan seluas 201.85 hektar yang terdiri daripada tanah gambut, hutan simpan, tapak pelupusan sampah, dan belukar. **Hasil kerjasama agensi bersepadu, kesemua 14 siri kebakaran tersebut telah berjaya diselesaikan dan dipadamkan sepenuhnya.**

- Kerajaan sentiasa bertindak proaktif dalam mencegah pembakaran di kawasan berisiko tinggi seperti kawasan tanah gambut. **Setakat Disember 2025, JAS telah membangunkan infrastruktur pencegahan api yang komprehensif di seluruh**

negara, merangkumi pembinaan 570 sekatan saliran, pengorekan 107 telaga tiub, dan pembinaan 15 kolam takungan. Infrastruktur sokongan teknikal turut diperhebat dengan penyediaan 111 alat pengukur paras air tanah (pizometer) dan enam buah menara tinjau demi mengekang kebakaran tanah gambut bawah tanah secara tuntas.

4. JEREBU RENTAS SEMPADAN & USAHA MULTILATERAL

- Isu jerebu ini menuntut komitmen kolektif daripada kesemua negara serantau. **Amaran jerebu rentas sempadan bermula seawal 10 Julai 2026 melalui pengaktifan *Alert Level 1* oleh *Interim ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control* (ACC THPC), sebelum ia dinaikkan pantas kepada *Alert Level 2* pada 3 Ogos dan amaran tertinggi *Alert Level 3* pada 26 Ogos 2026.**

- Peralihan pantas paras amaran ini jelas menandakan krisis ini sudah merentasi garis sempadan domestik dan memerlukan mitigasi serantau.

- Realiti titik panas (hotspots) serantau menunjukkan dengan jelas punca luaran pencemaran yang memberi kesan kepada kualiti udara negara. Laporan taburan satelit setakat 14 Oktober 2026 mendapati pembentukan kelompok titik panas yang meluas bertumpu di bahagian selatan Sumatera serta seluruh perbatasan Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah, dan Kalimantan Selatan. Data aliran harian bagi tempoh Ogos hingga Oktober 2026 mencatatkan ribuan bilangan titik panas di wilayah perbatasan

asing, sedangkan Malaysia hanya merekodkan 1 titik panas di Semenanjung dan 1 titik panas di Sabah dan Sarawak pada tarikh cerapan yang sama.

- Peniupan angin monsun yang membawa jerebu sederhana hingga tebal dari titik-titik panas inilah yang menyelubungi Semenanjung Malaysia, barat Sarawak, serta Singapura. Menghadapi situasi ini, Kerajaan kekal bertegas menggunakan instrumen diplomasi tertinggi di bawah payung Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (AATHP).

- Jerebu rentas sempadan merupakan masalah berulang yang memerlukan penyelesaian menyeluruh, bukan sekadar tindakan apabila krisis berlaku.

- Malaysia telah membawa cadangan Diplomasi Sains dan Dana Jerebu Mampan melalui mekanisme ASEAN bagi memperkukuh pencegahan, kesiapsiagaan serantau. pemantauan dan NRES juga akan terus meneliti mekanisme dasar dan perundangan bagi meningkatkan keupayaan negara menangani pencemaran rentas sempadan.

- Pendirian Malaysia jelas. Kita menghormati hubungan baik dengan Indonesia, tetapi kita juga berhak menuntut tindakan yang berkesan apabila pencemaran rentas sempadan menjejaskan rakyat kita.

- Malaysia telah bersedia membantu. Kita mengharapkan Indonesia mempercepat tindakan mengawal kebakaran di puncanya dan

mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab.

- **Keutamaan kita jelas: kebakaran mesti dikawal, pencemaran mesti dikurangkan dan rakyat mesti dilindungi.**

Sekian, terima kasih.